

# Saya bukan mahu menonjolkan diri

## — Dr. Mahathir

UM 16 APR 2002

RABAT 17 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tujuan beliau menyuarakan pandangan dan pendirian tegasnya berhubung Islam dan dunia Islam bukan sekali-kali mahu menonjolkan diri untuk muncul sebagai seorang pemimpin agung Islam.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, segala pandangan dan pendirian itu, dan usahanya untuk menukar persepsi umat Islam adalah hasil daripada kajiannya sendiri setelah mempelajari al-Quran dan hadis sekian lama sejak sebelum beliau menjadi Perdana Menteri lagi.

“Apa yang saya cuba lakukan adalah untuk Malaysia. Kalau anda fikir ia baik, anda bolehlah terima,” kata beliau kepada para intelektual Islam, ahli-ahli fikir dan anggota-anggota Parlimen Maghribi dalam satu majlis dialog di sini, petang semalam.

Perdana Menteri ditanya sama ada pandangan dan pendirian tegas beliau terhadap Islam yang disuarakannya begitu lantang merupakan pandangan peribadinya sebagai Dr. Mahathir Mohamad atau hanya didorong oleh pergolakan politik di Malaysia sendiri.

Peserta tersebut juga ingin tahu sama ada pandangannya itu berdasarkan kepada keadaan di Malaysia yang menurutnya, telah dipengaruhi oleh kebudayaan Anglo-Saxon (Inggeris) dan berbeza daripada Islam di negara Teluk.

Ini adalah di antara pelbagai lagi soalan dan pandangan yang dihujani oleh tokoh-tokoh dari kalangan bijak pandai Maghribi dalam majlis dialog yang mekakan masa lebih sejam.

Paling menarik sekali ialah apabila hampir kesemua peserta yang bangun berucap itu memberikan pujian dan penghormatan yang tinggi kepada Dr. Mahathir di atas keberaniannya menyuarakan dengan lantang pandangan-pandangan yang rata-ratanya menganggap ‘walaupun pahit, tetapi amat bernas’.

Salah seorang daripadanya berkata, Dr. Mahathir telah menunjukkan kesucian dan keikhlasan jiwanya terhadap perjuangan Islam, seperti kata satu peribahasa yang membawa maksud:

“Mereka yang menyintaimu mungkin menyakiti hatimu dengan bersikap jujur, manakala musuh-musuhmu mungkin akan memuji dan ini membawa anda dalam kekeliruan.”

Peribahasa itu disambut oleh tepukan bergemuruh oleh para hadirin.

Seorang lagi pula bangun memberi pujian dan penghormatan yang tinggi kepada Perdana Menteri sambil berkata:

“Saya sendiri tidak tahu bagaimana saya hendak memanggil anda, sama ada seorang negarawan yang telah berjaya di

bidang politik atau menyebut anda sebagai pengarang buku keajaiban ekonomi yang membuat kami semua begitu bangga dengan peranan saudara, atau mungkin saya boleh memanggil anda seorang intelektual, seorang saintis dan seorang sarjana.”

“Namun, mungkin ia meliputi semua,” tambah beliau disambut dengan gelak ketawa dan tepukan bergemuruh lagi daripada lebih 200 orang yang hadir.

Perdana Menteri telah memberikan jawapan yang panjang lebar berhubung dengan pandangan dan pendirian beliau terhadap Islam itu dan berdasarkan kepada keadaan di Malaysia.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan harmoni disebabkan Islam.

Katanya, walaupun majoriti rakyat beragama Islam, tetapi mereka hidup dengan penuh harmoni bersama mereka yang bukan beragama Islam.

Menurut beliau, dalam membuat kajian itu beliau mendapati kesemua negara Islam jauh lebih mundur daripada negara lain dan beliau tertanya-tanya bagaimana satu agama yang agung dan hebat boleh tumbang begitu sahaja.

“Setelah meneliti dengan mendalam, ia amat jelas kepada saya bahawa keruntuhan itu berlaku disebabkan umat Islam sendiri menolak segala ilmu selain daripada Islam.

“Para cerdik pandai Islam juga mengeluarkan pentafsiran sendiri mengenai Islam. Mereka kata umat Islam boleh mengetepikan pengajian lain, tetapi bukan pengajian agama. Ini membawa kepada kekurangan ilmu lain seperti sains dan matematik dan akhirnya ummah menjadi lemah,” kata beliau.

Sedangkan, tegas Perdana Menteri, tidak terdapat hi mana-mana sekalipun di dalam al-Quran atau hadis yang menyebut sains itu tidak Islamik.

Malah, menurut beliau, setiap apa yang dikeluarkan oleh orang Eropah pun adalah hasil ciptaan Tuhan.

Dr. Mahathir berkata, sesetengah umat Islam berpendapat adalah tidak Islamik menggunakan sains untuk meningkatkan hasil cucuk tanam kerana mereka mendakwa itu sudah mengganggu ciptaan Tuhan.

Tetapi, sebenarnya, jelas Dr. Mahathir, itulah yang mengikut ajaran Islam kerana lebih ramai manusia akan mendapat nikmat daripadanya. Inilah yang dimaksudkan dengan menikmati hidup yang baik di dunia ini kerana tanpa dunia ini tidak ada dunia akhirat.

“Kita memerlukan ilmu untuk mendapatkan kekayaan bagi mempertahankan ummah,” ujar beliau. — Utusan